KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR

## 10 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# (KPDN)

## 10 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)

HARI : JUMAAT
TARIKH : 10/2/2023
M/SURAT : 1

KPDN bangunkan aplikasi cari lokasi premis tawar Menu Rahmah Nasional 7

BH BeritaHarian

HARI : JUMAAT
TARIKH : 10/2/2023
M/SURAT : 7

# Aplikasi premis tawar Menu Rahmah dibangunkan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan membangunkan aplikasi yang memaparkan direktori premis yang menawarkan Menu Rahmah di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata direktori yang sedang dibangunkan itu membolehkan orang ramai mengetahui lokasi Menu Rahmah berhampiran dengan mereka.

"Kita akan lancarkan aplikasi itu dalam masa terdekat, beri sedikit masa," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Menu Rahmah anjuran Persatuan Pemilik Restoran Tom Yam Malaysia (PERTOM) di Medan Selera Lembah Keramat, di sini, kelmarin.

Pada masa sama, katanya, KPDN menerusi pejabat negeri akan mengadakan lebih banyak sesi libat urus dengan pengusaha restoran untuk mempromosi Menu Rahmah.

Salahuddin berkata, kerajaan tidak memaksa pengusaha restoran menawarkan Menu Rahmah, sebaliknya ia dibuat secara sukarela, yang ketika ini membabitkan Mydin, Persatuan Restoran India Muslim, Persatuan restoran India dan PERTOM.

Pada 31 Januari lalu, kerajaan melancarkan inisiatif Menu Rahmah, membabitkan penyertaan lebih 15,000 premis menjual makanan menawarkan sajian tengah hari atau malam pada harga RM5, bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat

Sementara itu, Saifuddin berkata terdapat doktor perubatan yang mempunyai klinik persendirian berhasrat menyediakan Klinik Rahmah, yang menawarkan pakej keluarga pada harga berpatutan kepada golongan B40.

Beliau berkata, KPDN perlu bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menjayakan inisiatif itu.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya juga mengadakan pertemuan dengan beberapa pengusaha restoran makanan segera seperti McDonald's dan Burger King, bagi menawarkan Burger Rahmah bernilai RM5.

Katanya, berdasarkan maklum balas daripada majoriti peniaga yang menyediakan Menu Rahmah, mereka masih memperoleh keuntungan walaupun menjual makanan pada harga murah.

Ditanya mengenai kos dan bekalan barang mentah, Salahuddin berkata, bekalan ayam dijangka mencukupi selepas berakhir musim tengkujuh, manakala bekalan telur ayam akan pulih sepenuhnya tempoh dua hingga tiga bulan lagi.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : JUMAAT
TARIKH : 10/2/2023
M/SURAT : 18

# Inisiatif Menu Rahmah tarik minat sektor lain

Terdapat doktor perubatan berhasrat sediakan Klinik Rahmah, tawar harga berpatutan



*Bagi menjalankan idea ini, pihak kami perlu adakan kolaborasi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk berbincang dan menjayakan (Klinik Rahmah) sekiranya benar ada doktor ingin klinik mereka memberi Perubatan Rahmah."*

- Salahuddin

KUALA LUMPUR

Inisiatif Menu Rahmah yang menawarkan makanan pada harga RM5 dan ke bawah turut menarik minat sektor lain termasuk perubatan untuk menyediakan harga murah kepada golongan memerlukan terutama B40.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, terdapat dalam kalangan doktor perubatan yang mempunyai klinik persendirian berhasrat menyediakan Klinik Rahmah menawarkan pakej keluarga bagi golongan B40 dengan harga berpatutan.

"Bagi menjalankan idea ini, pihak kami perlu adakan kolaborasi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk berbincang dan menjayakan (Klinik Rahmah) sekiranya benar ada doktor ingin klinik mereka memberi Perubatan Rahmah," katanya selepas menjadi tetamu Program Jendela Fikir, terbitan *Bernama Radio* pada Khamis.

Selain itu, Salahuddin berkata, pihaknya juga mengadakan pertemuan dengan beberapa pengusaha restoran makanan segera susulan permintaan keluarga yang ingin menyediakan makanan itu kepada anak mereka.

"Kami adakan libat urus dengan beberapa restoran seperti McDonald's dan Burger King. Hasil pertemuan itu adalah positif, mungkin akan ada Burger Rahmah bernilai RM5 tetapi burger itu memang burger yang mereka (restoran makanan segera) jual dengan harga pasaran hari ini," ujarnya.

Salahuddin menjelaskan, inisiatif tersebut yang bermula dengan hidangan nasi, lauk dan sayur kini diperluaskan dengan bahan makanan lain seperti mi, menu barat seperti Chicken Chop Rahmah dan terdapat peniaga yang memperkenalkan Durian Rahmah.

Tambahnya, berdasarkan maklum balas daripada majoriti peniaga yang menyediakan Menu Rahmah, walaupun menyediakan makanan dengan harga murah, mereka masih memperoleh keuntungan.

Ditanya mengenai kos dan bekalan barang mentah, Salahuddin memberitahu, bekalan ayam dijangka mencukupi selepas berakhir musim tengkujuh kerana tiada kekangan daripada pembekal, manakala bekalan telur ayam akan pulih sepenuhnya dalam tempoh dua hingga tiga bulan.

Pada 31 Januari lalu, inisiatif Menu Rahmah dilancarkan dan sebanyak 15,000 premis menjual makanan turut serta melaksanakan usaha berkenaan bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.
- *Bernama*

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | JUMAAT |
| TARIKH | : | 10/2/2023 |
| M/SURAT | : | 18 |

# Menu Rahmah wujudkan situasi menang-menang


FAUZIAH

**JOHOR BAHRU** - Menu Rahmah yang diwujudkan peniaga bukan sahaja memberikan manfaat kepada golongan memerlukan tetapi mampu menjadi tarikan kepada pelanggan seterusnya meningkatkan jualan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, hidangan makanan pada harga RM5 mewujudkan konsep penawaran dan permintaan antara peniaga dan orang ramai.

"Bagi saya, apabila Menu Rahmah itu menjadi popular dan peniaga mengambil peluang untuk menambahkan jualan, secara tidak langsung permintaan serta penawaran dalam pasaran menjadi realiti.

"Permintaan di pihak pengguna untuk mendapatkan makan tengah hari dan malam dengan kos sederhana, maka di pihak peniaga, mereka menawarkan apa yang diminta oleh pengguna, maka ia mewujudkan situasi menang-menang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi dialog konsep wakaf sebagai instrumen ekonomi menangani kos sara hidup di sini pada Khamis.

Sebelum ini, dilaporkan lebih 15,000 restoran menawarkan Menu Rahmah berharga RM5 bagi hidangan maka-nan tengah hari atau malam untuk golongan B40 bermula 31 Januari lalu.

Dalam perkembangan lain, Fuziah berkata, kos sara hidup yang memberi kesan kepada semua golongan, menjadi antara aspek tumpuan KPDN dalam Bajet 2023.

"Kos sara hidup kesannya kepada semua, bukan hanya kepada B40, namun golongan itu (B40) paling terkesan. Kita mengambil kira semua golongan termasuk M40 dan peniaga kecil.

"Maklum balas orang ramai kita dengar supaya kos sara hidup dijadikan elemen penting dalam pembentangan Bajet 2023 pada 24 Februari ini," jelasnya.

Ditanya sama ada subsidi akan menjadi antara pendekatan mengatasi isu kos sara hidup dalam Bajet 2023, Fuziah berkata, banyak pendekatan telah dicadangkan pihak KPDN bagi menangani isu itu.

"Bagaimanapun, seharusnya kita perlu mencari jalan untuk guna pendekatan lain daripada bergantung kepada subsidi," ujarnya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 10/05/2022
M/SURAT : 16

# Isu bebanan hidup aduan paling banyak

**JOHOR BAHRU** – Bebanan akibat peningkatan kos sara hidup merupakan antara aduan paling banyak diterima menjelang pembentangan Bajet 2023.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, beberapa perancangan telah dibuat untuk meningkat kesejahteraan rakyat.

"Aduan mengenai kos sara hidup merupakan antara banyak diadukan.

"Cadangan telah diberikan terutama usaha meringankan kos sara hidup itu melibatkan semua lapisan masyarakat, golongan B40, M40, peniaga-peniaga kecil semua terkesan ketika ini," katanya ketika ditemui selepas dialog kesihatan di sini semalam.

Tambah Fuziah, kerajaan juga tidak boleh memberikan tumpuan kepada pemberian subsidi kerana tidak menyelesaikan masalah.

Belanjawan 2023 yang bertemakan Membangun Malaysia Madani itu akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 24 Februari ini.



**BEBANAN mengenai kenaikan harga barang yang menekan kehidupan rakyat paling banyak diadu kepada kerajaan.** – GAMBAR HIASAN

Harian Metro

HARI : JUMAAT

TARIKH : 10/2/2023

M/SURAT : 12

MENU RAHMAH: CABARAN DIDEPANI PENIAGA

# SANDAKAN RM12, SEMENANJUNG RM9.40!

Kuala Lumpur

Hampir dua minggu diperkenalkan, Menu Rahmah yang merupakan antara usaha kerajaan menangani kenaikan kos sara hidup rakyat, mendapat maklum balas positif masyarakat, khususnya golongan sasar.

Tinjauan sentimen yang dilakukan Bernama pada 2 dan 3 Februari lalu mendapati kira-kira 56 peratus menyambut baik komitmen kerajaan perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim itu dalam menjaga kebajikan rakyat, terutama B40 dengan menawarkan hidangan berkhasiat tengah hari dan malam pada harga RM5 sepinggan.

Inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu menarik penyertaan lebih 15,000 restoran di seluruh negara, menyaksikan golongan sasar memanfaatkan sepenuhnya usaha itu yang menurut mereka sedikit-sebanyak membantu meringankan beban yang ditanggung.

Namun, timbul persoalan sejauh mana program itu mampu bertahan.

Penganalisis ekonomi Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff daripada Putra Business School berkata, inisiatif itu memerlukan sinergi antara kerajaan, peniaga makanan dan pembekal bahan mentah sekiranya tidak mahu ia berakhir sebagai hangat-hangat tahi ayam.

"Sekiranya kita melihat dari sisi peniaga makanan itu sendiri, sememangnya sukar juga untuk mereka menurunkan harga makanan serendah RM5 kerana selain kos bahan mentah yang tinggi, mereka terpaksa menanggung lain-lain kos seperti kos operasi.

"Justeru, mungkin boleh diwujudkan pendekatan lain oleh kerajaan dalam menyalurkan bantuan seperti subsidi bahan mentah tertentu kepada peniaga yang terlibat," katanya kepada Bernama.

Beliau juga berpandangan penglibatan syarikat besar dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam inisiatif itu dapat membantu kelangsungan program.

Menerusi konsep *pay it forward* (mengembalikan semula kepada masyarakat) yang banyak dipraktikkan di luar negara, syarikat besar dan NGO boleh menyalurkan sejumlah peruntukan kepada pengusaha yang terlibat dalam Menu Rahmah.

"Banyak NGO yang memberi sumbangan kepada gelandangan, B40 sehingga ada yang terlebih makanan dan berlaku pembaziran. Jika NGO itu memberi (sebahagian) sumbangan yang diperoleh mereka kepada peserta Menu

> *"Mungkin boleh diwujudkan pendekatan lain oleh kerajaan dalam menyalurkan bantuan seperti subsidi bahan mentah tertentu kepada peniaga yang terlibat"*
>
> **Dr Ahmed Razman**

Rahmah, ini lebih tersusun, tidak berlaku pembaziran dan lebih bersih.

"Syarikat besar pula biasanya mempunyai peruntukan untuk kegiatan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang boleh dipraktikkan melalui *pay it forward*, contohnya RM10,000 diberikan kepada pemilik restoran yang menjayakan Menu Rahmah," katanya.

Setakat ini, antara pemain industri yang terlibat ialah Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) yang pada waktu ini menawarkan set Menu Rahmah pada harga RM4.90 bagi setiap hidangan nasi berlaukkan ayam atau ikan berserta sayuran dan air mineral.

Pengarah Urusan Mydin Datuk Ameer Ali Mydin dilaporkan berkata, pihaknya akan memperluas program Menu Rahmah ke semua cawangannya di seluruh negara.

"Harga kos bahan mentah di Sabah dan Sarawak waktu ini lebih tinggi berbanding di Semenanjung, namun kita tetap bertekad menawarkan menu makanan itu bawah RM5 di seluruh negara.

"Contohnya di Mydin Sandakan, harga bagi satu kilogram ayam mentah RM12 berbanding di Semenanjung yang harganya RM9.40," katanya dalam Program Temu bual Eksklusif yang bertajuk Inisiatif Menu Rahmah di Bernama Radio pada Jumaat lalu.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman yang merupakan Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra berkata, masyarakat yang lebih berkemampuan juga boleh berperanan secara proaktif membantu peniaga dengan menyumbang pek makanan Menu Rahmah kepada



PEKERJA Restoran Bekwoh, Nur Muhammad Tarif Mat Shah menunjukkan tiga Menu Rahmah iaitu Nasi Ayam Cincang, Nasi Telur Berlada dan Nasi Gulai Termenung yang dihidangkan bersama Air Sirap berharga RM5 bagi setiap hidangan. Kesusahan ketika bergelar mahasiswa perubatan di Rusia kira-kira 15 tahun lalu mendorong Dr Ahmad Fadhzil Mohamad, 38, pemilik rangkaian klinik swasta yang juga pengusaha restoran mengambil bahagian dalam inisiatif menawarkan menu Rahmah di Kangar, Perlis.




ANTARA restoran di sekitar ibu kota yang mengambil inisiatif menyediakan Menu Rahmah buat golongan sasaran.

kumpulan sasar.

Beliau berkata, sumbangan itu dapat membantu kumpulan peniaga terlibat memperbanyakkan lagi jumlah hidangan Menu Rahmah, sekali gus memberi manfaat kepada lebih ramai individu tidak berkemampuan.

"Ini yang kita namakan sebagai konsep berkongsi rezeki atau bayar makanan untuk orang lain, yang mana seorang pelanggan itu dia membayar lebih dan (lebihan bayaran) akan diguna untuk membantu mereka yang tidak mampu membeli," katanya.

Pada masa sama, beliau mengingatkan peniaga supaya mengambil pendekatan terbaik bagi menangani kemungkinan ada pihak yang cuba mengambil kesempatan membeli menu tersebut.

Sekalipun yakin pengusaha mempunyai cara tersendiri dalam membuat saringan pelanggan yang layak, Ahmed Razman berkata, setakat ini tidak ada ketetapan atau peraturan yang boleh menghalang pelanggan bukan B40 daripada membeli hidangan tersebut.

Sementara itu, Ketua Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaya Prof Madya Dr Nurul Shahnaz Ahmad tidak menolak pengenalan Menu Rahmah akan memberi sedikit kesan kepada peniaga kecil lain yang tidak terlibat dalam program tersebut.

"Pembeli pastinya akan lebih cenderung membeli daripada peniaga Menu Rahmah kerana harga lebih murah. Pastinya dalam jangka panjang peniaga kecil lain berkemungkinan terpaksa juga menurunkan harga mereka supaya setanding dengan harga Menu Rahmah.

"Perkara ini biasa juga



**15,000**

Anggaran restoran sedia Menu Rahmah di seluruh negara

PEKERJA restoran, Nor Ellya Zulaikha Zuhaidi, 20, menunjukkan Menu Rahmah berharga RM5 dengan air yang dijual di Samballana Bistro, Bandar Dato' Onn, Johor.

| HARI | : | JUMAAT |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 10/2/2023 |
| M/SURAT | : | 13 |

Harian Metro

berlaku dan dalam (istilah) ekonomi kita panggil persaingan sempurna, maksudnya peniaga menjual produk lebih kurang sama jadi peniaga itu tidak ada kuasa untuk meletakkan harga lebih tinggi kerana persaingan daripada penjual yang meletakkan harga lebih murah," katanya.

Dalam situasi itu, beliau menyarankan peniaga kecil terbabit mengambil pendekatan bersaing secara kompetitif dan pada masa sama mencari jalan untuk mengurangkan kos, iaitu menjual makanan pada kos paling rendah.

"Tindakan ini saya lihat agak mencabar dalam ekonomi sekarang, namun saya yakin peniaga kecil ini boleh mencari jalan dalam menawarkan menu dan harga makanan yang sama seperti Menu Rahmah," ujarnya.

Menurut beliau, pengenalan Menu Rahmah itu harus disokong dan dipuji kerana matlamatnya adalah untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat sekarang yang ditekan pelbagai cabaran seperti inflasi dan kesan pandemik Covid-19.

Sementara itu, pensyarah di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) Prof Madya Dr Norsham Juliana Nordin berkata, Menu Rahmah merupakan langkah tepat dalam memperkenalkan konsep makanan seimbang merentasi semua laras latar belakang pendapatan.

Beliau melihat program itu sebagai langkah pertama Malaysia dalam memastikan rakyat yang dikategorikan B40 dapat menikmati hidangan mengandungi makronutrien lengkap (karbohidrat, protein dan lemak), serat serta pelbagai khasiat lain pada harga yang jauh lebih murah.

"Berdasarkan kajian terdahulu, kita dapati bahawa antara komponen utama yang dikorbankan oleh golongan kurang berkemampuan dalam menu harian mereka bagi mengurangkan perbelanjaan makanan ialah sumber protein seperti ikan dan ayam atau mengorbankan sumber sayur-sayuran.

> "Cara penyediaan menu itu juga boleh dibaiki lagi
> Dr Norsham Juliana

"Pengenalan Menu Rahmah ini disifatkan sebagai platform yang membolehkan mereka mendapat keseluruhan komponen utama dalam menu harian mereka seperti saranan dalam Pinggan Sihat Malaysia," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap penyediaan hidangan menepati porsi pemakanan yang ditetapkan dalam Pinggan Sihat Malaysia agar masyarakat bukan sahaja dapat menikmati hidangan sihat tetapi juga mengekang masalah obesiti.

"Cara penyediaan menu itu juga boleh dibaiki lagi bagi menambahkan impak positif terhadap kesihatan kumpulan sasar. Sebagai contoh, mengurangkan penggunaan minyak yang banyak dalam makanan bergoreng boleh memberikan kesan kesihatan lebih baik selain menjimatkan kos penggunaan bahan mentah bagi peniaga itu sendiri," ujarnya.

Pada masa sama, beliau berkata, peserta Menu Rahmah juga wajar melihat aspek pemakanan untuk kanak-kanak yang mana mereka memerlukan nutrien lengkap.



# Tiada paksaan sedia Menu Rahmah

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan inisiatif Menu Rahmah yang menawarkan makanan pada harga RM5 dan ke bawah sejak hujung bulan lalu tidak melibatkan sebarang peruntukan ataupun perbelanjaan daripada kerajaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ia sebaliknya adalah sepenuhnya komitmen peniaga yang secara sukarela menyertainya.

Beliau berkata, sejak dilancarkan, Menu Rahmah mendapat sambutan baik dengan ramai peniaga menyahut aspirasi kerajaan dalam membantu mereka memerlukan terutamanya golongan B40.

"Ramai golongan peniaga berlumba-lumba menyertai inisiatif ini dengan menawarkan juadah serendah RM5 di premis mereka, ini maknanya mereka mahu bersama melakukannya dengan semangat kebajikan tanpa paksaan sesiapa.

"Jadi konsepnya di sini jelas, tiada libat satu sen pun duit kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan inisiatif Menu Rahmah yang kini disertai Persatuan Pengusaha Tom Yam Malaysia (Pertom) di Lembah Keramat di sini.

Salahuddin berkata, kementeriannya tidak pernah memaksa mana-mana perniagaan, pengusaha dan pemain industri makanan baik besar mahupun kecil untuk melibatkan diri di dalam penjualan Menu Rahmah.







GERAI Durians Atok menjual Durian Rahmah pada harga RM4.99 sebekas.

# Durian Rahmah RM5 sebekas terima sambutan luar biasa

**Shah Alam:** Konsep Menu Rahmah yang diperkenal kerajaan baru-baru ini dengan menetapkan sesuatu menu pada harga RM5 dan ke bawah mendapat sambutan menggalakkan termasuk seorang peniaga durian yang menjual raja buah itu pada harga RM4.99 sebekas.

Pengusaha gerai Durians Atok, Khairul Fahmy Md Yasin, 45, berkata, baginya konsep Menu Rahmah itu seharusnya tidak dikecilkan hanya kepada makanan dan minuman harian dan pengusaha produk lain sewajarnya turut terlibat bagi memasarkan produk mereka untuk dinikmati semua golongan khususnya B40.

"Inisiatif ini adalah baik kerana peniaga lain boleh turut menurunkan harga barangan selain makanan harian yang mungkin tidak mudah untuk diperoleh. Disamping itu, peniaga dapat bantu dan turut bersedekah kepada mereka yang tidak mampu," katanya kepada Bernama, semalam.

> "Durian sebanyak 50 bekas terjual dalam 10 minit sahaja
> Khairul Fahmy

RM4.99, durian sebanyak 50 bekas terjual dalam 10 minit sahaja. Saya pun terkejut. Sebelum ini saya jual RM8 ke RM9 bagi satu bekas.

"Jadi, saya teruskan tambah kerana permintaan memang tinggi sehingga ada mereka yang dari Skudai, Johor datang membeli. Semalam, 600 bekas Durian Rahmah ini terjual dan kita mungkin tambah kuantiti jika permintaan meningkat," katanya.

Khairul Fahmy berkata, dalam satu bekas itu akan dicampur isi duriannya antaranya durian kampung dan D24 dan mereka yang berminat boleh membeli dengan mengunjungi gerainya kerana buat masa ini, dia tidak menerima sebarang tempahan.

Katanya, jualan bagi Durian Rahmah akan bermula pada 2.30 petang selepas bekalan buah itu sampai dengan setiap pelanggan dihadkan untuk membeli dua bekas durian saja bagi memastikan orang lain dapat merasai serta berpeluang untuk membeli durian yang dijual.

Selain itu, Khairul Fahmy turut menjual pelbagai jenis durian di gerainya yang terletak di Jalan Kebun Kampung Batu 7, di sini dan turut menjual cendol durian serendah RM4.



TheStar

HARI : JUMAAT
TARIKH : 10/2/2023
M/SURAT : 10

# Durian Rahmah for RM4.99 a pack

**SHAH ALAM:** First there was the RM5 Menu Rahmah mixed rice. And now there is also a Durian Rahmah at RM4.99 as well as Klinik Rahmah medical services.

The Menu Rahmah concept was introduced by the government last month by setting a menu at a price of RM5 or below to help the underprivileged.

Drawing ideas from this, durian seller Khairul Fahmy Md Yasin started offering his fruits at RM4.99 per pack and aptly named it Durian Rahmah.

"This (Menu Rahmah) is a good initiative because other traders can also lower the price of other items other than daily food, which may not be easy to obtain.

"In addition, traders can help and also give charity to those who cannot afford it," the Durian Atok stall operator told Bernama.

He said that Durian Rahmah, which was introduced at his stall last week, succeeded in attracting buyers as far as Johor.

Khairul Fahmy, 45, said he did not expect to see such a big crowd.

"The first day I introduced RM4.99 a pack, I managed to sell 50 packs in just 10 minutes. I was pleasantly surprised. Previously, I sold for RM8 to RM9 per pack.

"So, I keep adding the packs, because the demand is so high that there are people from Skudai, Johor, who came to my stall for the durian.

"Yesterday, 600 packs of Durian Rahmah were sold, and we may increase the quantity if demand is good," he said.




**Irresistible deal:** Md Yasin showing the Durian Rahmah sold at his stall in Kg Batu 7, Jalan Kebun, Section 30, Shah Alam. — Bernama

Khairul Fahmy said each customer was limited to two packs which contained mixed durian, including durian kampung and D24.

Meanwhile, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the initiative also attracted the interest of other sectors, including healthcare, to provide cheap prices to those in need, especially the B40 group.

There are medical doctors with their own clinics intending to offer family packages at reasonable prices for the B40 group through "Klinik Rahmah".

"To implement this, we need to collaborate with the Health Ministry," he said when appearing as a guest on Bernama Radio Jendela Fikir programme yesterday.

He said his ministry also met with several fast-food restaurant operators to get them to participate in the "Menu Rahmah" initiative.

"We have engaged with several restaurants such as McDonald's and Burger King and the results have been rather positive. There will probably be a Rahmah Burger worth RM5 (at these outlets)," he added.

He said the "Menu Rahmah" initiative, which started with rice, side dishes and vegetables, had expanded to include other food items, such as noodles as well as chicken chop and durian, which can be bought for RM5.

Based on the feedback from the majority of traders who provide the Menu Rahmah, he said, they were still able to make profits.

theSun
HARI : JUMAAT
TARIKH : 10/2/2023
M/SURAT : 4

# Trader sells 'Durian Rahmah' for only RM4.99 a pack

**SHAH ALAM:** The Menu Rahmah concept, which was introduced by the government recently by setting a menu at a price of RM5 or below, has received a favourable response from the people, including a durian seller, who sells the fruit for RM4.99 a pack.

Durians Atok stall operator Khairul Fahmy Md Yasin, 45, said the Menu Rahmah concept should not be limited to just daily food and beverages.

Other product operators should also market their products to be enjoyed by all groups, especially the B40 income group.

"This (Menu Rahmah) is a good initiative because traders can also lower prices of other items apart from daily food items. In addition, traders can provide charity to those who need it."

He said Durian Rahmah, which was introduced at his stall last week, succeeded in attracting buyers from as far away as Johor, to taste the deliciousness of the king of fruits at his stall, at only RM4.99 per plastic container of 300g to 400g.

"The first day I introduced the RM4.99 pack, I managed to sell 50 packs in just 10 minutes. I was pleasantly surprised. Previously, I sold the fruit for between RM8 and RM9 per container.

"I have to buy a lot of plastic containers, because the demand is so high. There are people who have come from as far as Skudai in Johor to buy my durians. I sold 600 containers of Durian Rahmah on Wednesday."

Khairul Fahmy said each pack has a mix of durian variants.

He said the sale of Durian Rahmah will start at 2.30pm, after he receives the supply, with each customer limited to buying only two packs, to ensure others have a chance to buy durian.

He also sells *cendol* durian for RM4 per bowl at his stall, located at Jalan Kebun Kampung Batu 7 in Shah Alam. – Bernama

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : JUMAAT
TARIKH : 10/2/2023
M/SURAT : 20

Mamak Cyber

Oleh Maro



Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : JUMAAT
TARIKH : 10/2/2023
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM7.99 | Telur Gred A | RM13.50 | Gula Pasir | RM2.42 | Cili Merah | RM9.99 |
| Daging Lembu Tempatan | RM38 | Ikan Kembung | RM14.99 | Bawang Besar Holland | RM3.49 | Kubis Bulat Tempatan | RM4.00 |
| Daging Lembu Import | RM55.80 | Minyak Masak | RM6.90 | Bawang Putih | RM4.99 | Tepung Gandum | RM3.23 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# MEDIA ONLINE
# (KPDN)

## 10 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 10 FEBRUARI 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 10-Feb | KPDN teliti cadangan Klinik Rahmah | https://youtu.be/ujX59mXWVCo | BERNAMATV |
| 10-Feb | Kedai tomyam turut tawar menu Rahmah RM5 | https://mymnt-news.com/2023/02/09/kedai-tomyam-turut-tawar-menu-rahmah-rm5/ | MYMNTNEWS |
| 10-Feb | On the way: app to find RM5 Rahmah Menu meals | https://youtu.be/YdZYu7p7SJ0 | FMT |
| 10-Feb | Salahuddin Ayub: Govt developing a Menu Rahmah app to help you find RM5 meals | https://www.google.com/amp/s/soyacincau.com/2023/02/09/salahuddin-ayub-govt-developing-a-menu-rahmah-app-to-help-you-find-rm5-meals/amp/ | SOYACINCAU |
| 10-Feb | Rahmah Menu initiative incurs no cost to govt - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/877852/rahmah-menu-initiative-incurs-no-cost-govt-salahuddin | NST |
| 10-Feb | On the way: app to find RM5 Menu Rahmah meals | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/02/09/on-the-way-app-to-find-rm5-rahmah-menu-meals/ | FMT |
| 10-Feb | Selepas Menu Rahmah, mungkin akan ada Klinik Rahmah | https://www.buletintv3.my/nasional/selepas-menu-rahmah-mungkin-akan-ada-klinik-rahmah/ | BULETINTV3 |
| 10-Feb | An app to find RM5 Menu Rahmah meals? Count on it, says minister | https://focusmalaysia.my/an-app-to-find-rm5-menu-rahmah-meals-count-on-it-says-minister/ | FOCUSMALAYSIA |
| 10-Feb | Menu Rahmah wujud situasi menang-menang | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244366 | SH |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Feb | Rahmah Menu initiative incurs no cost to govt - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/877852/rahmah-menu-initiative-incurs-no-cost-govt-salahuddin | NST |
| 10-Feb | Belanjawan 2023: Aspek kos sara hidup diberi keutamaan | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/934162/belanjawan-2023-aspek-kos-sara-hidup-diberi-keutamaan | HM |
| 10-Feb | Menu Rahmah menang-menang antara pengguna, peniaga | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/934172/menu-rahmah-menang-menang-antara-pengguna-peniaga | HM |
| 10-Feb | Menu Rahmah bersifat menang-menang | https://malaysiagazette.com/2023/02/09/menu-rahmah-bersifat-menang-menang/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 10-Feb | Belanjawan 2023: Kos sara hidup semua golongan diambil berat | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1061764/belanjawan-2023-kos-sara-hidup-semua-golongan-diambil-berat | BH |
| 10-Feb | KPDN Limbang rekod 22 kes babitkan nilai rampasan RM250,000 sejak 1 Jan - 9 Feb 2023 | https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/09/kpdn-limbang-rekod-22-kes-babitkan-nilai-rampasan-rm250000-direkod-sejak-1-jan-9-feb-2023 | UMBORNEO |
| 10-Feb | Sepanjang Jan-Feb, KPDN Limbang rekod nilai rampasan lebih RM250,000 | https://tvstv.my/2023/02/09/tempoh-jan-feb-ini-kpdn-limbang-rekod-nilai-rampasan-lebih-rm250000/ | TVSTV |
| 10-Feb | KSN cabar KSU, KP perkenal satu inisiatif seperti Menu Rahmah | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1061812/ksn-cabar-ksu-kp-perkenal-satu-inisiatif-seperti-menu-rahmah | BH |
| 10-Feb | Inisiatif menu ramah tidak libat sebarang peruntukan kerajaan | https://www.dagangnews.com/content/inisiatif-menu-rahmah-tidak-libat-sebarang-peruntukan-kerajaan-salahuddin-23726 | DAGANGNEWS |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Feb | KPDN pastikan Menu Rahmah tidak bermusim | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244472 | SH |
| 10-Feb | Menu Rahmah bukan bermusim – Salahuddin | https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/menu-rahmah-bukan-bermusim-salahuddin/ | UM |
| 10-Feb | KPDN kenal pasti sinergi agar inisiatif rahmah bertahan lama | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-kenal-pasti-sinergi-agar-inisiatif-rahmah-bertahan-lama-HG10616607 | THESUNDAILY |
| 10-Feb | Salahuddin pilih set menu nama sendiri | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/934254/salahuddin-pilih-set-menu-nama-sendiri | HM |
| 10-Feb | Salahuddin cuba 'menu sendiri' | https://www.kosmo.com.my/2023/02/09/salahuddin-cuba-menu-sendiri/ | KOSMO |
| 10-Feb | Salahuddin jamu selera menu rahmah sendiri | https://www.google.com/amp/s/malaysiapost.com.my/2023/02/09/salahuddin-jamu-selera-menu-rahmah-sendiri/amp/ | MALAYSIAPOST |
| 10-Feb | KPDN perluas libat urus dengan pembekal bahan mentah dan peniaga | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/56980-kpdn-perluas-libat-urus-dengan-pembekal-bahan-mentah-dan-peniaga | BERITARTM |
| 10-Feb | Peniaga Kreatif Perkenal Menu Rahmah | https://sumberkini.my/peniaga-kreatif-perkenal-menu-rahmah/ | SUMBERKINI |
| 10-Feb | Menu Rahmah untuk yang memerlukan, pilihan lain masih ada | https://www.edisi9.com.my/2023/02/menu-rahmah-untuk-yang-memerlukan-pilihan-lain-masih-ada/ | EDISI9 |
| 10-Feb | KPDN identifies synergies to ensure Rahmah initiative can last long time | https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/189973 | SINARDAILY |
| 10-Feb | Sandakan RM12, Semenanjung RM9.40! | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/934413/sandakan-rm12-semenanjung-rm940 | HM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Feb | Menu Rahmah tidak libat perbelanjaan kerajaan | https://vt.tiktok.com/ZS8PBxBFN/ | TIKTOK |
| 10-Feb | Adaptasi konsep Menu Rahmah, peniaga jual durian RM4.99 sebekas | https://selangorkini.my/2023/02/adaptasi-konsep-menu-rahmah-peniaga-jual-durian-rm4-99-sebekas/ | SELANGORKINI |
| 10-Feb | A mechanism to address cost of living for all groups to be proposed under Budget 2023, says Fuziah | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/09/a-mechanism-to-address-cost-of-living-for-all-groups-to-be-proposed-under-budget-2023-says-fuziah | THESTAR |
| 10-Feb | Deputy minister touts Menu Rahmah a 'win-win' economic solution for all | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/09/deputy-minister-touts-menu-rahmah-a-win-win-economic-solution-for-all/54142 | MALAYMAIL |
| 10-Feb | Inisiatif syarikat TnG tangani isu perkhidmatan belum mencukupi | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2163251 | BERNAMA |
| 10-Feb | Menu Rahmah ada 'win-win situation' | https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/244417 | SH |
| 10-Feb | Budget 2023: Mechanism to handle cost of living for all groups – KPDN | https://www.thesundaily.my/local/budget-2023-mechanism-to-handle-cost-of-living-for-all-groups-kpdn-EG10615634 | THESUNDAILY |
| 10-Feb | Deputy domestic trade minister says will consider living cost for all, not just B40 in Budget 2023 retabling | https://www.theborneopost.com/2023/02/09/deputy-domestic-trade-minister-says-will-consider-living-cost-for-all-not-just-b40-in-budget-2023-retabling/ | THEBORNEOPOST |
| 10-Feb | Deputy domestic trade minister says will consider living cost for all, not just B40 in Budget 2023 retabling | https://www.google.com/amp/s/malaysia.news.yahoo.com/amphtml/deputy-domestic-trade-minister-says-081304748.html | MALAYSIANEWSYAHOO |
| 10-Feb | Budget 2023: Mechanism to handle cost of living for all groups – KPDN | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2163115 | BERNAMA |
| 10-Feb | Belanjawan 2023: Mekanisme tangani kos sara hidup, antara cadangan KPDN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2163070 | BERNAMA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Feb | Budget 2023: Mechanism to handle cost of living for all groups – KPDN | https://www.facebook.com/bernamaofficial/posts/pfbid0aJhQRPrXW6crzFEj5zPMkmw4imJz4KLmr9uzZDbdKm1xkT3ePS3o6dxDp7cvDaKzl | FB |
| 10-Feb | Budget 2023: Mechanism to handle cost of living for all groups – KPDN | https://twitter.com/bernamadotcom/status/1623605735694422018 | TWITTER |
| 10-Feb | Inisiatif TnG tidak cukup untuk atasi masalah sedia ada – KPDN | https://www.kosmo.com.my/2023/02/09/inisiatif-tng-tidak-cukup-untuk-atasi-masalah-sedia-ada-kpdn/ | KOSMO |
| 10-Feb | Libat urus KPDN, TnG diadakan sekali lagi | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244457 | SH |
| 10-Feb | Inisiatif TnG tidak cukup atasi masa-lah sedia ada – KPDN | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/inisiatif-tng-tidak-cukup-atasi-masalah-sedia-ada-kpdn/ | UM |
| 10-Feb | Libat urus KPDN, TnG diadakan sekali lagi | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244457 | SH |
| 10-Feb | Inisiatif syarikat TnG tangani isu perkhidmatan belum mencukupi – KPDN | https://malaysiadateline.com/inisiatif-syarikat-tng-tangani-isu-perkhidmatan-belum-mencukupi-kpdn/ | MALAYSIADATELINE |
| 10-Feb | Inisiatif diambil TnG masih belum cukup – KPDN | https://www.buletintv3.my/nasional/inisiatif-diambil-tng-masih-belum-cukup-kpdn/ | BULETINTV3 |
| 10-Feb | TnG's initiative to resolve service issues still insufficient | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2163263 | BERNAMA |
| 10-Feb | KPDN takes firm action against errant traders in Limbang, records 22 cases on confiscation of goods | https://www.theborneopost.com/2023/02/10/kpdn-takes-firm-action-against-errant-traders-in-limbang-records-22-cases-on-confiscation-of-goods/ | THEBORNEOPOST |